

Perjuangan Tetap Utuh

PERHIMPUNAN
AGUNG
UMNO
2014



Semarak api perjuangan orang Melayu, kemerdekaan negara

DATUK Onn Jaafar memberikan ucapan terakhir semasa penyerahan pucuk pimpinan kepada **Tunku Abdul Rahman** pada 23 Ogos 1951 di Roof Garden, Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Turut kelihatan Ketua Kaum Ibu, **Hajah Zainon Sulaiman** dan Ketua Pemuda, **Tun Hussein Onn**.

▼ Amanat...



Marilah kita tunjukkan kepada dunia iaitu roh dan semangat datuk nenek kita itu masih lagi dengan kita.

Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dan berusahalah sebagaimana belum pernah kita berusaha."

DATO' ONN JAAFAR

Yang Dipertua UMNO 1946-1951 (Perhimpunan Kongres Melayu 1-4 Mac 1946)

KEJAYAAN UMNO kini sebagai parti keramat Melayu di negara ini sebenarnya tidak datang bergolek. Perjalanan jauh yang penuh perit-jerih terpaksa dilalui para pemimpin terdahulu dalam menegakkan panji perjuangan demi agama, bangsa dan negara.

Roh yang dibawa UMNO kini merupakan satu sinergi permuafakatan antara 41 pertubuhan Melayu pelbagai falsafah satu masa dahulu dalam menjamin survival kaum berkenaan di negara tercinta ini.

Penyatuan suara yang bermula di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baharu, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 telah meletakkan batu asas penting dalam persada politik tanah air apabila Kongres Melayu Se-Malaya pertama telah dianjurkan.

Melalui karisma seorang pembesar Melayu iaitu Dato' Onn Jaafar yang dilantik sebagai peneraju, tiga usul telah diketengahkan pada kongres berkenaan iaitu penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bantahan terhadap pertubuhan Malayan Union serta mewujudkan Derma Pelajaran Kebangsaan Melayu.

Teras bantahan kongres berkenaan terhadap Malayan Union adalah kerana ia menghapuskan kedaulatan dan kuasa Raja-Raja Melayu, menghakis tamadun Melayu, menjadikan kerakyatan terlalu liberal di samping membantah tindakan Sir Harold MacMichael mengancam menukarkan raja-raja Melayu daripada takhta sekiranya tidak menerima Malayan Union.

Satu jawatankuasa yang terdiri dari Dato' Onn sendiri, Datuk

Panglima Bukit Gantang, Datuk Nik Ahmad Kamil, Datuk Hamzah Abdullah dan Zainal Abidin Ahmad (Zaaba) telah dipilih untuk menyediakan draf Piagam atau Perlembagaan UMNO bagi dibentangkan dan diterima oleh Kongres Melayu Se-Malaya kelak.

Kongres Melayu Se-Malaya kedua pula diadakan pada 30 hingga 31 Mac 1946 bagi membantah pengisytiharaan Malayan Union dan memutuskan tiga perkara iaitu meminta raja-raja Melayu memulaukan majlis perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor, meminta orang Melayu yang dilantik menganggotai sebarang majlis pentadbiran Malayan Union memulaukan perlantikan dan menuntut orang Melayu bergabung selama tujuh hari dengan melilitkan kain putih pada songkok.

Pada masa sama, kongres turut meminta agar diadakan rapat umum semasa lawatan L.D. Gammans dan David Rees Williams di setiap bandar.

Namun begitu, Kerajaan British tetap meneruskan rancangan mereka dan pada 1 April 1946 telah mewujudkan Malayan Union meskipun ditentang hebat oleh orang Melayu. Orang-orang Melayu dan pertubuhan-pertubuhan Melayu terus membangkang dan tidak memberi sebarang sokongan terhadap Malayan Union.

Pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru, Kongres Melayu Se-Malaya ketiga dan perhimpunan agung pertama Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu atau Pekembar (UMNO) telah berlangsung dan Piagam atau Perlembagaan telah diterima dan diluluskan oleh para peserta dan

sekilas

Yang Dipertua UMNO pertama

- » Yang Dipertua UMNO pertama, Dato' Onn Jaafar dilahirkan di Johor Bahru pada 1895.
- » Hasil inisiatif beliau, Pergerakan Melayu Semenanjung Johor ditubuhkan pada awal 1946.
- » Pada 1 - 4 Mac 1946, Dato' Onn dipilih mempengerusikan Kongres Melayu SeMalaya yang pertama dan seterusnya dipilih menjadi Yang Dipertua UMNO yang pertama.
- » Bersama pemimpin lain, gerakan yang dipimpin Dato' Onn berjaya menumpaskan Malayan Union dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

UMNO pun lahir secara rasmi.

Rancangan Malayan Union yang dipaksa terhadap orang Melayu tanpa sebarang rundingan membawa kepada kesedaran kaum tersebut. Orang Melayu yang sebelum ini berpecah-pecah dengan berbagai sentimen kenegerian dan pandangan sempit, telah mula melihat realiti di

depan mereka.

Orang Melayu telah bangkit bersatu hati dan tenaga menentang rancangan itu sebagai reaksi agar kedudukan mereka terpelihara.

Perjuangan UMNO yang pertama dengan Dato' Onn sebagai pemimpinnya adalah membangkang penubuhan Malayan Union. Melalui akhbar-akhbar seperti *Utusan Melayu* dan *Majlis*, suara orang Melayu menentang Malayan Union dapat diketahui.

Pemimpin UMNO berjaya menasihatkan Sultan-Sultan Melayu supaya tidak menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union yang pertama, Edward Gent, dan secara simbolik memanasikan kemarahan dan bantahan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union.

Dua bulan selepas wujudnya Malayan Union, Kerajaan British telah mengubah pendirian dan bersedia mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil UMNO dan Sultan-Sultan bagi mewujudkan satu kerajaan persekutuan baharu.

Rundingan tersebut berlangsung hingga 21 Januari 1948 apabila Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan wakil Kerajaan British yang mengembalikan semula kuasa-kuasa dan kedaulatan Sultan-Sultan. Secara rasmi Persekutuan Tanah Melayu dilahirkan pada 1 Februari 1948.

Sejak dari saat itu, UMNO terus berdiri megah sebagai pejuang setia kebajikan dan masa depan rakyat negara ini. Api yang dinyalakan pemimpin terdahulu tidak pernah terpadam biarpun dilanda pelbagai rintangan serta cabaran.